

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
(KOTA TINGGI)**

SOALAN : 171

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam menangani isu trafik yang serius di sekitar ibu kota dan apakah tindakan yang diambil untuk memperbaiki masalah tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengatasi isu kesesakan jalan raya terutamanya di ibu kota, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi-agensi di bawahnya telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempengaruhi aspek penawaran yang menyasarkan matlamat untuk meningkatkan kualiti dan mutu penawaran perkhidmatan pengangkutan awam.

Kementerian Pengangkutan sedang melaksanakan penambahbaikan sistem KTM Komuter di Lembah Klang menerusi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih struktur landasan keretapi. Pelaksanaan projek ini dijangka siap pada November 2019 menerusi Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang sepanjang 42KM daripada Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu. Kelajuan operasi dan frekuensi perkhidmatan KTM komuter yang ditingkatkan menerusi kualiti landasan yang telah dibaikpulih akan menggalakkan lebih ramai orang awam untuk menggunakan perkhidmatan tren sekaligus mengurangkan kesesakan jalan raya. Kemudahan stesen komuter juga akan dinaiktaraf bagi memberi keselesaan kepada penumpang di 16 buah stesen yang telah dikenalpasti.

Selain daripada itu, projek-projek rel lain di dalam kajian yang akan dilaksanakan dan akan dapat membantu mengurangkan kesesakan jalan raya terutamanya di ibukota adalah termasuk Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang Fasa 2 di jajaran Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Klang (108KM), dan LRT3 di jajaran Bandar Utama ke Bandar Klang (37KM).

Projek pembinaan sistem kereta api *Light Rapid Transit 3* (LRT3) jajaran Bandar Utama – Johan Setia bakal menjadi salah satu tunjang kepada usaha mengurangkan dan meredakan kesesakan jalan raya samada di lebuh raya atau di jalan-jalan utama kawasan barat Lembah Klang kerana jajaran LRT3 akan melintasi koridor penduduk yang berkepadatan tinggi.

Disamping itu, projek *Mass Rapid Transit 2* (MRT2) jajaran Sungai Buloh – Serdang - Putrajaya (SSP) sepanjang 52.2km yang kini dalam proses pembinaan dijangka bakal mengurangkan kesesakan jalan raya di masa hadapan.

Dengan adanya perkhidmatan kereta api bandar seperti MRT1, MRT2 dan LRT3, rakyat di kawasan yang mempunyai mod pengangkutan awam darat terhad akan dapat menikmati pilihan mod pengangkutan awam darat yang pelbagai.

Perhatian juga telah diberikan terhadap *first mile* dan *last mile* penumpang untuk setiap projek kereta api yang telah siap sepenuhnya atau masih dalam proses pembinaan, di mana penyediaan bas pengantara dan kemudahan

park n ride telah dan diadakan di stesen-stesen terpilih.

Untuk menggalakkan lebih ramai orang mengguna pengangkutan awam dan seterusnya membantu mengurangkan kesesakan jalan raya, kerajaan akan memberi keutamaan kepada perkhidmatan pelbagai jenis bas yang akan dipertingkatkan dari segi kualiti perkhidmatan dan rangkuman. Pada masa ini, mutu perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara maju. Infrastruktur seperti perhentian bas dan terminal bas masih banyak kekurangan dan *software* yang penting seperti peta laluan bas dalam talian dan aplikasi mobile perancang perjalanan (*journey planner*) masih belum dibangunkan sepenuhnya.

Sehubungan itu juga, Kerajaan juga sedang dalam pelaksanaan untuk memperkenalkan pas pengangkutan awam tanpa had bernilai RM100 sebulan. Sejalan dengan hasrat Kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40 di kawasan bandar yang berpendapatan isi rumah di bawah RM3,860 sebulan, inisiatif Pas Bulanan Tanpa Had Perjalanan ini diyakini dapat memenuhi hasrat Kerajaan tersebut. Selain itu, dengan kos pengangkutan yang rendah, ia diyakini akan mampu menarik minat lebih ramai beralih menggunakan pengangkutan awam.

Pada 12 Julai yang lalu, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 serta undang-undang dan peraturan lain berkaitan dengan perkhidmatan e-

hailing telah dikuatkuasakan. Perkhidmatan e-hailing ini akan dapat memberikan dan menambah baik *first mile & last mile connectivity* ke stesen tren yang berhampiran di samping perkhidmatan bas pengantara dan teksi yang sedia ada. Selain itu, penambahbaikan laluan pejalan kaki yang selesa perlu dipertingkatkan supaya orang awam tidak terlalu bergantung kepada kenderaan persendirian untuk ke stesen.